



Universiti Tsukuba cawangan Universiti Awam Jepun pertama di Malaysia

Oleh Essa Abu Yamin - Mac 14, 2023 @ 5:30pm
essabuyamin@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Penubuhan kampus cawangan Universiti Tsukuba di Malaysia bakal melakar sejarah tersendiri kerana ia adalah kampus cawangan Universiti Awam Jepun yang pertama ditubuhkan di luar negara berkenaan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pemilihan Malaysia sebagai lokasi penubuhan kampus cawangan universiti awam Jepun pertama di dunia itu merupakan satu pengiktirafan kepada pengurusan pendidikan tinggi negara dan hubungan dua hala yang erat antara Malaysia dan Jepun.

"Penubuhan kampus cawangan universiti berkenaan akan memberi peluang dan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk datang dan melanjutkan pelajaran di Malaysia.

"Selain itu, penubuhan kampus cawangan berkenaan juga dilihat sebagai tanda penghargaan kerajaan Malaysia kepada kerajaan Jepun dan kesinambungan terhadap Dasar Pandang ke Timur yang sudah mencecah 40 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) antara kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi (MEXT) dan Kementerian Luar Negeri Jepun di Hotel Pullman di sini hari ini.

Katanya, cadangan penubuhan sebuah kampus cawangan institusi pendidikan tinggi Jepun di Malaysia telah diutarakan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2018.

"Kerajaan Jepun telah menyambut baik cadangan berkenaan dan seterusnya mencadangkan supaya kampus cawangan Universiti Tsukuba ditubuhkan di Malaysia.

"Universiti Tsukuba yang ditubuhkan pada tahun 1872 merupakan salah satu daripada 86 buah universiti awam dan tersenarai dalam 10 universiti terbaik di Jepun," katanya.

Tambah beliau, MoC berkenaan adalah sebagai asas persetujuan yang merangkumi objektif, ruang lingkup dan bentuk kerjasama, serta perincian komitmen kewangan oleh kedua-dua buah negara.

"Malaysia juga berhasrat untuk membangunkan sistem pendidikan tinggi terkemuka yang membolehkan kita muncul sebagai destinasi pilihan.

"Kami berhasrat untuk menarik bakat, penyelidik dan pemimpin dari seluruh dunia untuk datang dan belajar atau dilatih di Malaysia," katanya.